

PEMBENTANGAN PELAJAR PRAKTIKAL DI JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI MELAKA

25 OGOS 2021, MELAKA - Pelajar yang menjalani latihan praktikal di Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka iaitu Encik Ahmad Hafiy bin Ahmad Rafikin berjurusan Diploma Kejuruteraan Kimia dari Universiti Malaysia Pahang telah memberikan pembentangan kepada pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka.

Pelajar didedahkan dengan tugas-tugas Jabatan melalui penempatan di unit-unit. Tugas pertama Encik Hafiy adalah berkaitan pembangunan iaitu Environmental Impact Assessment (EIA), Environmental Management Plan (EMP), Sitting & Zoning Industry & Residential (SZIRA) dan Environmental Essential For Sitting Of Industries In Malaysia (EESIM).

Pembentangan ini dihadiri oleh Tuan Rosli bin Haji Osman, Pengarah dan juga warga Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka.

#KementerianAlamSekitarDanAir

#JabatanAlamSekitar

#jasnegerimelaka

#AlamSekitarTanggungjawabBersama